



**KETUA SETIAUSAHA**  
(Secretary General)

**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
(Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government)

Aras 18  
No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +(6)03 - 8891 5003  
Faks : +(6)03 - 8891 5558

(45) dlm.KPKT/BPK/19/788/11 Jld 28  
28 Oktober 2014

### SENARAI EDARAN SEPerti DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

#### **PENURUNAN KUASA MEMBERI KELULUSAN LAWATAN KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN MENGIKUT SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2012**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan sedia maklum bahawa Jabatan Perdana Menteri telah membuat edaran **Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012 bertajuk "Peraturan Perjalanan Pegawai Awam ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian"** bagi menguruskan permohonan penjawat awam yang ingin membuat lawatan ke luar negara atas urusan persendirian. Sehubungan itu, Pihak Pengurusan Kementerian telah bersetuju membuat penurunan kuasa kepada beberapa orang pegawai melalui surat rujukan KPKT/BPK/19/788/11 Jld 17 (21) berkuatkuasa mulai 11 Disember 2012 bagi meluluskan permohonan yang diterima.

3. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan, maka penurunan kuasa tersebut telah dikaji semula pelaksanaannya. Oleh yang demikian, sukacita dimaklumkan bahawa dengan ini, saya bersetuju untuk membuat **penurunan kuasa bagi memberi kelulusan ke atas permohonan penjawat awam di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk ke luar negara atas urusan persendirian berkuat kuasa serta merta seperti ketetapan berikut :**

Bil.	Jawatan / Kategori Pegawai	Pegawai Pelulus Sedia Ada	Cadangan baru Pegawai Pelulus	Urusetia
1.	<b>Semua Timbalan Ketua Setiausaha</b>	KSU	KSU	Setiausaha Pejabat masing-masing

<b>Bil.</b>	<b>Jawatan / Kategori Pegawai</b>	<b>Pegawai Pelulus Sedia Ada</b>	<b>Cadangan baru Pegawai Pelulus</b>	<b>Urusetia</b>
2.	<b>Semua Ketua Jabatan, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan, Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit <i>staff function</i></b>	KSU	KSU	Bahagian Khidmat Pengurusan / Unit Pentadbiran di Jabatan / Bahagian / Unit masing-masing
3.	<b>Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) di</b>	TKSU(P)	KSU	Unit Pentadbiran di Pejabat YB Menteri / Timbalan Menteri
	<b>(a) Pejabat YB Menteri</b>			
	<b>(b) Pejabat YB Timbalan Menteri</b>			
4.	<b>Semua penjawat awam di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)</b>	Ketua Pengarah JBPM	<b>Ketua Pengarah JBPM</b>	Bahagian Pengurusan JBPM
5.	<b>Semua penjawat awam di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD)</b>	Ketua Pengarah JPBD	<b>Ketua Pengarah JPBD</b>	Bahagian Khidmat Pengurusan JPBD
6.	<b>Semua penjawat awam di Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA)</b>	Ketua Pegawai Eksekutif PPSPPA	<b>Ketua Pegawai Eksekutif PPSPPA</b>	Bahagian Khidmat Pengurusan PPSPPA
7.	<b>Semua penjawat awam di Jabatan Perumahan Negara (JPN)</b>	Ketua Pengarah JPN	<b>Ketua Pengarah JPN</b>	Bahagian Khidmat Pengurusan JPN
8.	<b>Semua penjawat awam di Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)</b>	Ketua Pengarah JKT	<b>Ketua Pengarah JKT</b>	Bahagian Khidmat Pengurusan JKT

<b>Bil.</b>	<b>Jawatan / Kategori Pegawai</b>	<b>Pegawai Pelulus Sedia Ada</b>	<b>Cadangan baru Pegawai Pelulus</b>	<b>Urusetia</b>
9.	<b>Semua penjawat awam di Jabatan Landskap Negara (JLN)</b>	Kumpulan P&P : TKSU(P)	<b>Ketua Pengarah JLN</b>	Bahagian Khidmat Pengurusan JLN
		Kumpulan Sokongan : SUB (SM)		
10.	<b>Semua penjawat awam di Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)</b>	Kumpulan P&P : TKSU(P)	<b>Ketua Pengarah JPSPN</b>	Bahagian Khidmat Pengurusan JPSPN
		Kumpulan Sokongan : SUB (SM)		
11.	<b>Semua penjawat awam di Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS)</b>	Kumpulan P&P : TKSU(P)	<b>Pengerusi TPPS</b>	Seksyen Khidmat Pengurusan TPPS
		Kumpulan Sokongan : SUB (SM)		
12.	<b>Semua penjawat awam di Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT)</b>	Kumpulan P&P : TKSU(P)	<b>Pengarah I-KPKT</b>	Pejabat Pendaftar I-KPKT
		Kumpulan Sokongan : SUB (SM)		
13.	<b>Semua penjawat awam dari Kumpulan P &amp; P di</b>	TKSU (P)		Unit Pentadbiran Bahagian / Unit masing-masing
	<b>(a) Bahagian / Unit Staff Function</b>		<b>KSU</b>	
	<b>(b) Sektor Pengurusan</b>		<b>TKSU (P)</b>	
	<b>(c) Sektor Dasar dan Pembangunan</b>		<b>TKSU (D)</b>	
<b>(d) Sektor Kesejahteraan Bandar</b>	<b>TKSU (K)</b>			

Bil.	Jawatan / Kategori Pegawai	Pegawai Pelulus Sedia Ada	Cadangan baru Pegawai Pelulus	Urusetia
14.	Semua penjawat awam dari Kumpulan Sokongan di	SUB (SM)	Setiausaha Bahagian / Ketua Unit masing-masing	Unit Pentadbiran Bahagian / Unit masing-masing
	(a) Bahagian / Unit Staff Function			
	(b) Sektor Pengurusan			
	(c) Sektor Dasar dan Pembangunan			
	(d) Sektor Kesejahteraan Bandar			
15.	Semua penjawat awam di			
	(a) Pejabat YB Menteri	Kumpulan P&P : TKSU(P)	SUSK kepada YB Menteri	Unit Pentadbiran di Pejabat YB Menteri / Timbalan Menteri
		Kumpulan Sokongan : SUB (SM)		
	(b) Pejabat YB Timbalan Menteri	Kumpulan P&P : TKSU(P)	SUSK kepada YB Timbalan Menteri	
Kumpulan Sokongan : SUB (SM)				

4. Dalam melaksanakan penurunan kuasa ini, semua Ketua Pengarah Jabatan / Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan / Pengerusi Tribunal / Setiausaha Bahagian / Ketua Unit adalah diingatkan supaya memberi perhatian ke atas perkara berikut:

- (a) Membuat **pemantauan** ke atas penjawat awam yang **kerap** membuat lawatan ke luar negara atas urusan persendirian terutama mengenai kemampuan kewangan bagi tujuan lawatan;
- (b) Membuat **pemantauan** ke atas penjawat awam yang membuat lawatan ke luar negara secara **berkumpulan** bagi memastikan lawatan

tersebut tidak dibiayai oleh individu atau syarikat swasta yang boleh menimbulkan syak yang munasabah;

- (c) Memastikan penjawat awam mengambil **kemudahan perlindungan insurans kesihatan** mengikut kelayakan serta **mematuhi lain-lain peraturan** yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa; dan
- (d) Memastikan setiap permohonan pegawai **telah disokong oleh pegawai penyelia** masing-masing.

5. Seterusnya, selaras dengan para 5 di dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012, adalah diingatkan bahawa semua Ketua Pengarah Jabatan / Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan / Pengerusi Tribunal / Setiausaha Bahagian / Ketua Unit **tidak dibenarkan** membuat penurunan kuasa kepada pegawai di bawah seliaan YBhg. Datuk /Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam melaksanakan urusan ini.

6. Selain itu, untuk makluman YBhg. Datuk /Dato' / Datin / Tuan / Puan, penurunan kuasa ini hanyalah bagi kelulusan lawatan persendirian penjawat awam sahaja. Manakala bagi **permohonan kelulusan lawatan rasmi, peraturan sedia ada masih lagi digunakan iaitu Kuasa Melulus adalah pada Ketua Setiausaha KPKT serta permohonan perlu dikemukakan melalui Bahagian Sumber Manusia.**

7. Dengan edaran surat ini, surat penurunan kuasa yang terdahulu rujukan KPKT/BPK/19/788/11 Jld 17 (21) bertarikh 11 Disember 2012 adalah **dibatalkan.**

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**

Yang Ikhlas,

  
( DATO' SERIPAH BINTI ABDUL RAZAK )

**s.k:**

TKSU (K)

TKSU (D)

TKSU (P)

## **Senarai Edaran**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Ketua Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

Ketua Pengarah  
Jabatan Kerajaan Tempatan

Ketua Pengarah  
Jabatan Perumahan Negara

Ketua Pengarah  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara

Ketua Pengarah  
Jabatan Lanskap Negara

Pengerusi  
Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata

Penasihat Undang-Undang  
Bahagian Undang-Undang

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kewangan dan Perolehan

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Dasar dan Inspektorat

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kesejahteraan Bandar

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Khidmat Pengurusan

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Teknologi Maklumat

Ketua Akauntan  
Bahagian Akaun

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Sumber Manusia

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran

Pengarah  
Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ketua Unit  
Unit Audit Dalam

Ketua Unit  
Unit Komunikasi Korporat

Ketua Unit  
Unit Integriti

Ketua Unit  
Unit KPI

SUSK YBM

SUSK YBTM